



SEBAHAGIAN daripada 42 individu yang melakukan pelbagai kesalahan termasuk lapan daripadanya dikehendaki polis ditahan dalam operasi selama dua hari berturut-turut di Flat Paya Nahu, Sungai Petani.

# 'FLAT COLUMBIA' TAK KEBAL

*Lebih 400 anggota polis, PGA sertai operasi tahan 42 individu dengan pelbagai kesalahan*

Oleh Izad Thaqif Hassan  
am@hmetro.com.my

## Sungai Petani

Seramai 42 individu yang melakukan pelbagai kesalahan ditahan polis dalam operasi besar-besaran selama dua hari di Flat Paya Nahu yang digelar 'Flat Columbia', di sini.

Op Cantas Khas Muda dilakukan sepasukan polis Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, Bahagian Siasatan Jenayah seluruh Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di negeri ini.

Serbuhan turut dibantu 169 anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 1 dan 2 itu ditumpukan di kawasan berkenaan susulan aduan pelbagai pihak termasuk penduduk setempat mendakwa flat terbabit menjadi sarang pelbagai aktiviti jenayah.

Terkenal dengan gelaran 'Flat Columbia' oleh masyarakat setempat sejak sekian lama sehingga ada yang mendakwa ia 'kubu kuat' yang sukar ditembusi pihak berkuasa, kawasan berkenaan menjadi lokasi pengedaran serta penagihan dadah selain pelbagai masalah sosial dan jenayah.

Bagaimanapun, tangga-

# 600

Bilangan rumah penduduk diperiksa dalam operasi

pan mengatakan kawasan berkenaan sukar ditembusi ternyata meleset apabila lokasi terbabit digempur lebih 400 anggota polis serta PGA dalam operasi berkenaan menyebabkan penjenayah yang selama ini bermaharajalela tidak sempat melarikan diri.

Ketua Polis negeri Datuk Wan Hassan Wan Ahmad berkata, seramai 36 lelaki dan enam wanita ditahan termasuk lapan daripadanya dikehendaki polis kerana pelbagai kesalahan.

"Selain itu, kita turut merampas pelbagai jenis dadah, rokok seludup, dawai tembaga dan air ketum serta turut mengeluarkan 78 saman kerana kesalahan trafik.

"Operasi pada hari pertama iaitu serbuan sasaran ditumpukan terhadap orang dikehendaki serta gangsterism, kontraban, bengkel haram, judi, sarang penagih dan ketum serta masalah sosial manakala operasi hari kedua pula kita namakannya sebagai *house to house*," katanya.

Menurutnya, kejayaan ha-

sil operasi ini juga membuktikan yang kawasan terbabit bukan kubu yang sukar ditembusi seperti tanggapan masyarakat setempat sejak dahulu.

"Malah, hasil pemeriksaan kita juga mendapati kawasan ini sebenarnya dijadikan sebagai transit dengan individu yang melakukan jenayah dikesan berasal dari luar flat berkenaan.

"Kita tidak menafikan memang ada aktiviti jenayah di kawasan ini namun ia dikesan dilakukan penjenayah yang cuba mengambil kesempatan disebabkan flat terbabit yang dikatakan memang 'panas' sejak dahulu," katanya.

Beliau berkata, dalam dua operasi itu hampir 600 rumah penduduk diperiksa dengan sasaran ditumpukan kepada individu yang melakukan kesalahan jenayah, dadah, komersial dan juga trafik.

"Operasi seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi membendung kejadian jenayah di kawasan tertentu terutamanya yang dianggap sebagai lokasi panas.

"Kita juga berharap orang ramai atau masyarakat setempat memaklumkan kepada polis sekiranya mempunyai maklumat berhubung kegiatan jenayah di kawasan mereka," katanya.

ANGGOTA PDRM dan PGA melakukan pemeriksaan dari rumah ke rumah bagi mengesan individu yang melakukan kesalahan dan jenayah.

